



PERSATUAN TAHFIZ QIRAAT

Fakulti Sains Kemanusiaan, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan.

MYDIN MERU RAYA HYPERMARKET
PT 229142, Jalan Meru Bestari B2,
Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh, Perak,

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :
Tarikh :

Melalui dan Salinan,

Cik Ummikalsum binti Mat Lazim
Penasihat Persatuan Tahfiz Qiraat,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.

Tuan/Puan

MEMOHON SUMBANGAN UNTUK MENGADAKAN UPSI EMPOWER: CSR X BTS ALAM DAMAI

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, **Ahmad Afifi Bin Nik Asri** di bawah kelolaan Persatuan Tahfiz Qiraat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) akan mengadakan **UPSI EMPOWER: CSR X BTS ALAM DAMAI**. Berikut adalah merupakan maklumat mengenai program tersebut:

Tarikh : 16 - 18 FEBRUARI 2025 (Ahad - Selasa)
Tempat : Royal Belum, Gerik, Perak

3. Program UPSI EMPOWER: CSR X BTS ALAM DAMAI adalah sebuah inisiatif yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara mahasiswa, pensyarah dan masyarakat melalui aktiviti yang penuh dengan nilai kasih sayang, persaudaraan, dan tolong-menolong. Program ini dijalankan dengan matlamat untuk mewujudkan suasana harmoni dan saling memahami di kalangan mahasiswa dan masyarakat, tidak kira latar belakang etnik, agama, atau budaya. Program ini menekankan kepentingan memperkukuh perpaduan dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat serta memberi fokus kepada usaha

memperbaiki kesejahteraan sosial, dan emosi melalui pelbagai aktiviti seperti lawatan kemasyarakatan, program kebajikan dan ceramah motivasi.

Melalui program ini, peserta akan menyertai pelbagai aktiviti yang menyentuh hati, seperti menyantuni masyarakat orang asli, memberikan bantuan dalam bentuk sumbangan, serta menganjurkan dialog antara masyarakat yang berbeza latar belakang. Ia bertujuan untuk membina jalinan persahabatan yang kukuh dan saling menghargai antara satu sama lain.

Dengan pendekatan yang inklusif dan bersifat mesra, berharap dapat memperkasa semangat kesatuan di kalangan rakyat Malaysia dan memperkukuh nilai-nilai murni yang menjadi asas kekuatan negara.

4. Sehubungan dengan itu, kami dengan rendah hatinya memohon jasa baik pihak Tuan/Puan untuk memberikan sumbangan berupa wang tunai agar kami dapat melaksanakan program ini dengan jayanya. Sumbangan boleh disalurkan ke akaun Bendahari UPSI EMPOWER:CSR x BTS ALAM DAMAI

ADILAH BT ZAIMI

11306160312458(RHB BANK)

pada bahagian reference, sila nyatakan 'UPSI EMPOWER:CSR X BTS ALAM DAMAI'

6. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak Tuan/Puan boleh berhubung terus dengan pengarah program iaitu saudara **Ahmad Afifi Bin Nik Asri (011 5551 8985)** atau boleh hubungi kami melalui alamat e-mel rasmi Persatuan Tahfiz Qiraat UPSI di (persatuanahfizalquran@gmail.com)

7. Bersama-sama ini, kami sertakan lampiran tentatif program sebagai rujukan pihak Tuan/Puan. Segala kerjasama dan perhatian pihak Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“PTQ PENCETUS REVOLUSI UMMAH”

Yang menjalankan tugas,

.....

(AHMAD AFIFI BIN NIK ASRI)

Pengarah Program,(UPSI EMPOWER: CSR X BTS ALAM DAMAI)

Persatuan Tahfiz Qiraat,

Universiti Pendidikan Sultan Idris.